

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 APRIL 2015

Berdiri teguh sokong Najib

» Ahli BNBBC,
BN Sabah,
Sarawak, Perak
pertahan PM

Oleh Ziauddin Sharuddin,
Shaarani Ismail, Hazwan
Faisal Mohamad dan
Muhd Amirul Faiz Ahmad
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) membebankan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dikritik oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Kelab Penyokong BN (BNBBC), Tan Sri Shahrir Samad, berkata Ahli Parlimen BN berdiri teguh di belakang Najib.

"Sebagai Ahli Parlimen, kami bersama-sama dengan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Dr Mahathir yang mengkritik Najib menerusi laman blog beliau chedet.cc, berkata, UMNO dan BN akan kalah jika Najib menerajui parti dan pentadbiran kerajaan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Menurut BERNAMA, Shahrir berkata, BNBBC tidak bersetuju dengan kritikan terbuka oleh Dr Mahathir dan Najib akan menjawab kritikan itu apabila sampai masa beliau berbuat demikian.

Katanya, kritikan Dr Mahathir bukan hanya berkisar kepada soal pentadbiran, malah turut komen yang bersifat peribadi.



Najib bersama Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menaiki buggy selepas menghadiri persidangan Dewan Rakyat, di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO BERNAMA)

“
BN Sarawak dan Sabah menyokong penuh kepimpinan Najib walaupun menerima kritikan keras daripada Tun Dr Mahathir”

Adenan Satem,
Ketua Menteri Sarawak

BNBBC Perak kesal

Sementara itu, Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) Perak menyatakan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Najib untuk terus menerajui negara.

Pengerusinya, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib, berkata pihaknya kesal dengan tindakan segelintir pihak dan individu yang berterusan menyerang serta mempertikai kepimpinan Najib.

"Ada beberapa pihak cuba melemahkan dan mengganggu pentadbiran serta kepimpinan Perdana Menteri dengan niat tertentu,

"Bagaimanapun, kami percaya majoriti senyap dalam

masyarakat tidak terpengaruh dengan dakyah ditimbulkan," katanya pada sidang media mewakili semua 19 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) BN, di sini, semalam.

Sokongan penuh

Di **Petra Jaya**, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem, berkata BN Sarawak dan Sabah menyokong penuh kepimpinan Najib walaupun menerima kritikan keras daripada Tun Dr Mahathir.

Beliau berkata, dalam mesyuarat Majlis Tertinggi BN di Kuala Lumpur baru-baru ini, komponen BN dari kedua-dua negeri berkenaan menyatakan sokongan kepada Najib.